

INFO US\$AHAWAN

usahawan pemacu ekonomi mapan



EDISI 28

ISSN 1823-6421

TERBITAN EDISI 28: JAN - JUN 2023

PENAUNG

DR ROSMAN MAHMOOD

CHIEF EDITOR / KETUA EDITOR

PUAN NIK FAZLIN HIRYATI NIK JAAFAR

MANAGING EDITOR / EDITOR URUSAN

CIK NOORMALINJASARI ALI

EDITOR

PUAN SUZILA SALLEH
PUAN NASIHA ABDULLAH
PUAN NORHAYATI HUSIN
PUAN ROSEZIAHAZNI ABD GHANI
PUAN 'ATIQAHA RASHIDAH ABU SAMAH
PUAN HASMIDA MOHD NOOR
PUAN RASLINA MOHAMED NOR
PUAN SITI FATIMAH MARDIAH HAMZAH
ENCIK WAN AHMAD KHUSAIRI WAN CHEK

DESIGNER / PEREKABENTUK

ENCIK ABDUL RANI JUSOH
PUAN NOOR HAFIZA MOHAMMED



Artikel

MS

Coret-coret Ketua Pengarang	1
Catatan Editor Urusan	2
Khairul Aming Usahawan Sambal	3-4
Malaysia's 2022 Social Media Marketing Trends	5
Perancangan Sumber Perusahaan (Enterprise Resource Planning)	6-7
Susun Atur Kedai Runcit	8
Bamboo Networking Principle among Chinese Entrepreneurs	9-10
Usahawan Robotik di Jepun	11
Apa Perlunya Logistik Halal pada Usahwan?	12-13
Isu-isu Logistik Halal di Malaysia ada Kaitannya pada Usahawann	14-15
'Pekerja yang Penting untuk Usahawan ke arah Prestasi Mampan Organisasi	16-17
Persekitaran Kerja dan Prestasi Pekerja - Satu kupasan awal untuk para usahawan	18-19
Persekitaran Makro dan Mikro untuk Usahawan	20
Usahawan dan Pengurusan Konflik	21
Pembudayaan Keusahawanan di Kalangan Mahasiswa: Usahawan IceLy, Alumni UiTMT	22-24
Dari Desa ke Pentas Dunia	25-26
Cetusan Kreativiti dan Inovasi: Resipi Kejayaan Kek Lapis Premium	27-28
Digitalisasi dan Usahawan Pelancongan Dalam Pasca Pemulihan Covid 19	29
The SME Sustainability Action Guide: A Six Steps Approach to Sustainability Implementation among SMEs in Malaysia	30-31
Green Entrepreneurship: Promoting Sustainable Growth in Malaysia	32-33
Cicak atas Pizza! Nak Sue Siapa Ek?	34-35
Memahami Kemahiran Kepimpinan Digital yang mesti ada pada Usahawan IKS	36-37
Apakah Minda Usahawan Perlu untuk Pastikan Perniagaan Bertahan dan Berkembang?	38
Krisis Perubahan Iklim: Cabaran Baru Mendepani Usahawan	39
Matlamat Melahirkan Usahawan Berorientasikan Kelestarian	40
Kepentingan Pendigitalan kepada Usahawan	41
QR Kod dan Perniagaan	42
Kejohanan Tenis Bersiri Remaja: Mampu Menjana Duit?	43

Dasar Keusahawanan Nasional (2030) bertujuan untuk memberi panduan kepada penyediaan kerangka atau ekosistem yang holistik untuk pembangunan keusahawanan di Malaysia. Kerajaan sangat komited untuk melahirkan lebih ramai lagi usahawan memandangkan peranan usahawan yang memberi sumbangan kepada KDNK negara, memberikan daya saing dalam perindustrian serta penciptaan peluang pekerjaan. Cabaran adalah aspek sinonim yang sangat berkaitan dengan para usahawan. Hasil dapatan kajian oleh Nawi et al. (2021) mendapati antara cabaran yang perlu dihadapi oleh usahawan muda adalah sistem sokongan yang rapuh daripada orang sekeliling terutamanya keluarga dan penyesuaian diri terhadap kehidupan dan karier sebagai usahawan biasa mahupun usahawan sosial. Cabaran lain adalah pengurusan kewangan, saingan daripada pesaing, perlu kekal relevan dan terus berdaya saing.

Namun begitu, terdapat satu lagi cabaran untuk para usahawan pada masa kini iaitu ancaman perubahan iklim. Perubahan iklim adalah Perubahan iklim merujuk kepada perubahan jangka panjang dalam iklim yang berlaku selama beberapa dekad atau lebih lama lagi. Kejadian ini disebabkan oleh peningkatan gas rumah hijau yang semakin meningkat di atmosfera bumi yang berpunca daripada pembakaran bahan api fosil misalnya, arang batu, minyak dan gas asli. Gas rumah hijau akan memerangkap haba dan memanaskan bumi dan lautan yang mendorong kepada kenaikan paras laut, perubahan pola ribut, arus laut yang berubah, perubahan hujan, salji dan ais lebur, perubahan cuaca melampau, kebakaran, dan kemarau.

Kesan perubahan iklim membawa kepada bencana alam yang sukar diramal dan boleh menyebabkan kerugian besar kepada para usahawan. Antaranya adalah banjir, suhu melampau, tanah runtun dan sebagainya. Mungkin ada segelintir usahawan berpendapat bahawa kawasan perniagaan mereka berada di kawasan yang selamat dan tidak mengalami risiko bencana alam. Namun, perlu diingat bahawa aktiviti keusahawanan bersifat rantaian dan berhubung dengan entiti lain iaitu logistik, pembekal, peruncit dan paling penting pembekal. Kesulitan yang dialami oleh entiti lain ini secara langsung akan mempengaruhi kelancaran operasi usahawan. Sebagai contoh, jika berlaku bencana banjir, pembekal tidak boleh menghantar barang yang dipesan oleh usahawan, ataupun stok yang sedia ada tidak boleh dihantar kepada para peruncit dan tidak dijamin akan selamat tiba kepada pelanggan akibat bencana ini.

Dalam senario lain, terdapat usahawan yang mengusahakan produk bergantung kepada keadaan cuaca semasa. Antaranya usahawan berasaskan produk pertanian. Cuaca panas melampau menyebabkan tanah menjadi kering dan pertumbuhan tanaman akan terbantut. Banjir dan hujan lebat berterusan juga akan terus merosakkan tumbuhan ataupun ternakan peliharaan mereka. Hal ini akan memberikan kerugian kepada para usahawan kerana modal yang telah diperuntukkan bagi tujuan penghasilan pertanian sangat besar. Situasi ini yang telah dialami dan terjadi kepada pengusaha ikan sangkar di Terengganu yang telah kerugian beratus ribu ringgit kerana hasil ternakan beliau musnah akibat banjir besar yang melanda kawasan tersebut.

KRISIS PERUBAHAN IKLIM: CABARAN BAHARU MENDEPANI USAHAWAN

Naziatul Aziah Mohd Radzi¹, Normaizatul Akma Saidi¹, dan Nur Aliah Mansor²

¹Fakulti Hospitaliti, Pelancongan dan Kesejahteraan, UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN, Pengkalan CHEpa, Kelantan.

²Fakulti Perniagaan & Kewangan, Universiti Tun Abdul Rahman, Malaysia

*Koresponden: aziah.mr@umk.edu.my

Kerangka bersepadu dan kajian mendalam perlu dilaksanakan bagi membantu para usahawan menghadapi dan menangani krisis perubahan iklim. Antara yang boleh dilakukan adalah sistem pengesanan dan ramalan cuaca yang lebih sofistikated dan dapat membantu para usahawan melakukan anggaran dan perancangan bagi aktiviti perniagaan, pertanian dan penternakan. Bukan setakat itu sahaja, cetusan inovasi berperanan secara signifikan bagi menangani cabaran bencana dan perlu diterapkan dalam aktiviti keusahawanan. Antaranya adalah inovasi dalam sistem penuaian dan semeian benih yang boleh mengurangkan risiko kerugian ataupun sistem penghasilan dan pengeluaran produk yang tidak bergantung dengan perubahan cuaca melampau.

Sebagai kesimpulan, usahawan pada masa kini perlu berdepan dengan salah satu cabaran utama iaitu krisis perubahan iklim. Cabaran ini perlu diberi perhatian kerana impaknya boleh menjejaskan daya saing usahawan untuk terus kekal dalam arena perniagaan. Justeru, banyak perkara berkaitan isu ini yang perlu dihalusi oleh pelbagai pihak bagi memastikan usahawan negara ini tidak terus tumpang dan berundur daripada arena perniagaan akibat terkesan dengan bencana alam yang datang tanpa sebarang amaran.

Rujukan

[1] Nawi, N. R. C., Arshad, M. M., Krauss, S. E., & Ismail, I. A. (2021). Challenges faced by youth social entrepreneurs in Malaysia: career transition to become a social entrepreneur. *European Journal of Training and Development*.